

Sultan Muhammad V lepas jawatan

ATURAN LANTIKAN YANG
DI-PERTUAN AGONG

Menurut giliran
yang telah digunakan sebelum ini

- Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan
 - Sultan Selangor
 - Raja Perlis
- Sultan Terengganu
 - Sultan Kedah
 - Sultan Kelantan
 - Sultan Pahang
 - Sultan Johor
 - Sultan Perak

Sinar Harian (07/01/2019) MIS 02
FOTO: SHARIFUDDIN ABDUL RAHIM



Baginda telah memaklumkan peletakan jawatan secara rasmi kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja melalui warkah diutuskan kepada Setiausaha Majlis Raja-raja.

Diumumkan
melalui
kenyataan media
Istana Negara,
semalam

KUALA LUMPUR

Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 berkuatkuasa semalam.

Perkara itu diumumkan Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Wan Ahmad Dahlan Ab Aziz melalui kenyataan media Istana Negara.

"Bagi menjunjung titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V, dengan ini Istana Negara memaklumkan KDYMM Seri

Paduka Baginda Tuanku meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong XV berkuatkuasa 6 Januari 2019 (Ahad) bersamaan 29 Rabiulakhir 1440H selaras Perkara 32(3) Perlembagaan Persekutuan.

"Baginda telah memaklumkan perkara ini secara rasmi kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja melalui warkah yang telah diutuskan kepada Setiausaha Majlis Raja-raja," kata kenyataan tersebut.

Dalam kenyataan itu, baginda sepanjang menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong telah berusaha memenuhi tanggungjawab dan amanah selaku Ketua Negara.

"Baginda menzahirkan ucapan terima kasih kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang telah memilih baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 bermula 13 Disember 2016," katanya.

Menurutnya, Sultan Muhammad juga menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan yang telah beri kerjasama dalam mentadbir negara.

"Selaku pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), baginda amat berbangga dengan pengorbanan serta taat setia dicurahkan kepada baginda dan negara selama ini.

SENARAI YANG DI-PERTUAN AGONG

31 Ogos 1957 - 1 April 1960

Almarhum Tuanku Abdul Rahman Ibi Almarhum Tuanku Muhammad
(Negeri Sembilan)

14 April 1960 - 1 September 1960

Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibi Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah
(Selangor)

21 September 1960 - 20 September 1965

Almarhum Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibi Almarhum Syed Hassan Jamalullail
(Perlis)

21 September 1965 - 20 September 1970

Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibi Almarhum Sultan Zainal Abidin
(Terengganu)

21 September 1970 - 20 September 1975

Almarhum Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibi Almarhum Sultan Badlishah
(Kedah)

21 September 1975 - 29 Mac 1979

Almarhum Tuanku Yahya Petra Ibi Almarhum Sultan Ibrahim
(Kelantan)

26 April 1979 - 25 April 1984

Sultan Ahmad Shah Ibi Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah
(Pahang)

26 April 1984 - 25 April 1989

Almarhum Sultan Iskandar Ibi Almarhum Sultan Ismail
(Johor)

26 April 1989 - 25 April 1994

Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibi Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarullahu-lah
(Perak)

26 April 1994 - 25 April 1999

Almarhum Tuanku Ja'afar Ibi Almarhum Tuanku Abdul Rahman
(Negeri Sembilan)

BIODATA SULTAN MUHAMMAD V

■ Diputerakan pada 6 Oktober 1969 di Istana Batu, Kota Bharu, Kelantan.

■ Dilantik Tengku Mahkota Kelantan pada ulang tahun keputeraan baginda yang ke-16 pada 6 Oktober 1985.

■ Pada 24 Mei 2009, baginda dilantik menjadi Pemangku Raja Kelantan.

■ Pada 13 September 2010 baginda menaiki takhta Kerajaan Negeri Kelantan

dan menggunakan gelaran Sultan Muhammad V selepas dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan ke-29.

■ Pada 13 Disember 2011, baginda menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Ke-14 oleh Majlis Raja-Raja.

■ Pada 2016, Majlis Raja-Raja melantik baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-15 berkuat kuasa pada 13 Disember 2016 untuk tempoh lima tahun.

“Kepada rakyat Malaysia, baginda bertitah supaya rakyat terus bersatu mengekalkan perpaduan, bertolak ansur dan bersepakat dalam memikul tanggungjawab terhadap negara yang berdaulat ini supaya Malaysia terus berada dalam keadaan aman dan harmoni,” katanya.

Wan Ahmad Dahlan turut memaklumkan Sultan Muhammad sedia berangkat pulang ke Kelantan untuk bersama kerajaan negeri dan rakyat membangunkan negeri demi kesejahteraan rakyat.

26 April 1999 - 21 November 2001

Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj

(Selangor)

13 Disember 2001 - 12 Disember 2006

Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

(Perlis)

13 Disember 2006 - 12 Disember 2011

Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah

(Terengganu)

13 Disember 2011 - 12 Disember 2016

Almarhum Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah

(Kedah)

13 Disember 2016 - 6 Januari 2019

Sultan Muhammad V

(Kelantan)

Pertama berlaku dalam sejarah

SINAR HARIAN 10/01/2019
ms 03

Majlis Raja-Raja akan bersidang tentukan pengganti

SHAH ALAM

Peletakan jawatan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 merupakan pertama berlaku dalam sejarah negara yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan.

Menurut pakar perlembagaan, Dr Muhammad Fathi Yusof, Majlis Raja-Raja bersidang dan menentukan pemilihan bagi jawatan tersebut dalam kalangan sembilan Raja-Raja Melayu namun biasanya ia dilakukan menerusi

sistem penggiliran.

"Dalam sejarah hanya ada tiga sahaja Raja Melayu yang tidak dapat menyelesaikan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh lima tahun kerana mangkat. Peletakan jawatan Sultan Muhammad V adalah yang pertama dalam sejarah," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini, semalam.

Muhammad Fathi yang juga Felo Penyelidik Undang-undang dan Perlembagaan di Pusat Kajian Fiqh, Sains dan Teknologi (CFIRST) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkata, berdasarkan sistem penggiliran, jawatan



SULTAN MUHAMMAD V

tersebut sepatutnya akan diisi negeri Pahang, diikuti Johor dan terakhir, Perak.

"Majlis Raja-Raja akan bersidang dan akan menentukan negeri yang bakal Yang di-Pertuan Agong dan Raja yang pernah menjawat jawatan ini tidak boleh dilantik semula memegang jawatan hanya daripada Pahang, Johor dan Perak sahaja," ujar beliau.

Jelas beliau, Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah kini perlu menggalas jawatan tersebut dan boleh memanggil Majlis Raja-Raja untuk bersidang bagi menentukan jawatan tersebut.

KRONOLOGI
SULTAN MUHAMMAD V SEBAGAI
YANG DI-PERTUAN AGONG KE-15

14 OKT 2016

Dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 bagi tempoh lima tahun menggantikan Sultan Kedah, Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

13 DIS 2016

Lafaz sumpah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-15, manakala Sultan Perak Sultan, Nazrin Shah pula mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

31 JAN 2017

Berkenan menerima Darjah Yang Maha Utama Kerabat Diraja Malaysia (D.K.M) daripada kerajaan Malaysia.

24 APRIL 2017

Ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam satu istiadat penuh dengan tradisi Kesultanan Melayu di Istana Negara.

24 APRIL 2017

Berkenan berangkat ke Majlis Santapan Diraja untuk kali pertama sempena pertabalan baginda.

3 NOV 2017

Berkenan menerima menghadap Putera Charles dan isteri baginda, Camella di Istana Negara.

10 MEI 2018

Berkenan menerima menghadap Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri ketujuh di Istana Negara selepas gabungan PH memenangi PRU14.

REAKSI

Kerajaan Kelantan

Kerajaan Kelantan terima secara terbuka

Sekalipun terkejut dan sedih dengan peletakan jawatan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V namun saya percaya baginda mempunyai sebab yang tersendiri.

"Saya berharap semua pihak menerima keputusan baginda dengan hati terbuka dan tidak mengambil kesempatan dengan menabur fitnah atau berprasangka buruk di atas tindakan itu. Marilah kita mendoakan yang baik-baik kepada raja kesayangan ramai ini"

- Akidi Hamid, 49, Peniaga, Machang



TUMPAT - Kerajaan Kelantan menerima secara terbuka tindakan Sultan Muhammad V meletakkan jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong berkuatkuasa semalam.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, peletakan jawatan baginda itu harus dihormati dan diterima secara terbuka.

"Terpulang kepada baginda, itu haknya sebagai Sultan yang dipilih sebagai Agong.

"Saya sebagai Ketua Kerajaan akan berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri dan bahagian protokol untuk tindakan lanjut setelah rasminya baginda

meletakkan jawatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media di Masjid Al-Hidayah Kampung Laut, semalam selepas Sultan Muhammad V meletak jawatan.

Ahmad berkata, dua hari lalu beliau ada bertemu dengan Sultan Muhammad V dan solat Jumaat bersama namun baginda tidak menzahirkan apa-apa.

"Sepanjang menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah berusaha untuk memenuhi tanggungjawab dan amanah selaku Ketua Negara dengan baik sekali," katanya.

gabungan PH memenangi PRU14.

16 MEI 2018

Memperkenalkan rayuan pengampunan penuh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu Ketua Umum PKR dan diberi pembebasan serta-merta.

18 MEI 2018

Berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Istana Negara untuk menyerahkan senarai nama Anggota Parlimen yang dilantik sebagai Menteri Persekutuan baharu.

2 NOV 2018

Baginda bercuti sehingga 31 Dis 2018 untuk menjalani rawatan dan sepanjang tempoh itu, Sultan Nazrin Shah menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan agong.

4 JAN 2019

Berkenan menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, Kelantan.

6 JAN 2019

Meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15